

HARI :	ISNIN
TARIKH :	5/8/2019
M/SURAT :	1

LUBUK VAPE

Malaysia pasaran
utama industri
jualan vape global

» Tempat kelima
penggunaan vape paling
populer selepas Amerika
Syarikat, Filipina, United
Kingdom, Ireland.

» Berkembang kerana
mudah dibeli di pasar
raya, dalam talian, pasar
malam, butik khusus.

» Tiada penguatkuasaan
dari segi pengimportan,
penjualan dan penggunaan.

» Jadi sasaran global kerana
keupayaan industri
tempatan hasilkan adunan
cecair vape termasuk untuk
pasaran Eropah, Amerika
Syarikat dan Asia.

» Peniaga anggar nilai
industri vape tempatan
kini cecah RM2 bilion.

Laporan Khas


BERITA DI MUKA 4 & 5



(KIR) Pelancaran vape di sebuah kelab malam eksklusif, pelbagai jenama dan perisa vape yang dijual di pasar malam di sekitar Kuala Lumpur.

Dikawal pasti sebagai pasaran terbesar

Malaysia sasaran utama vape global





Laporan KHAS

Oleh **JOHARDY IBRAHIM**
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 OGOS

MALAYSIA dikenal pasti sebagai pasaran utama industri jualan vape global yang keseluruhannya dianggarkan bernilai AS\$11.5 bilion, kerana ketiadaan sama sekali penguatkuasaan daripada segi pengimportan, penjualan dan penggunaan produk tersebut di negara ini.

Menurut satu kaji selidik terbaru, industri vape global dijangka tumbuh pesat menjadi AS\$53.4 bilion menjelang 2024 dengan empat elemen menjadi teras kepada perluasan industri vape di Malaysia.

Empat elemen tersebut ialah penjualan di pasar raya dan kedai serbaneka; secara dalam talian; kedai-kedai khusus vape dan *tobacconists* iaitu kedai menjual semua jenis produk rokok termasuk cerut dan paip.

Difahamkan, faktor lain Malaysia menjadi sasaran industri vape global ialah keupayaan industri vape tempatan menghasilkan adunan cecair vape buatan Malaysia yang kini dieksport ke Eropah, Amerika Syarikat dan Asia.

Menurut *VaporizerWire.com*, Malaysia berada di tangga kelima di bawah Amerika Syarikat, Filipina, United Kingdom dan Ireland di dalam senarai tujuh negara teratas paling popular penggunaan vape.

Anggaran industri menyatakan wujud trend menunjukkan permintaan terhadap vape semakin meningkat dan penggunaan vape dalam kalangan

INFO

UNDANG-UNDANG SUDAH WUJUD UNTUK MENGAWAL PRODUK BERNIKOTIN SEJAK 1952

akta Racun 1952

- **Seksyen 22. Racun Kumpulan C.**
- Racun Kumpulan C tidak boleh dijual atau dibekalkan secara runcit kepada mana-mana orang kecuali:
 - (a) Di mana jualan atau bekalan racun seumpamanya, jika ia merupakan Racun Kumpulan B, hendaklah diberi kuasa di bawah atau dengan kuasa oleh, atau berlaku seiring dengan seksyen 21; atau
 - (b) Sebagai ubat yang dikeluarkan atau bahan-bahan di dalam ubat yang dikeluarkan.
- Seksyen 15 dan 16 menyatakan bahawa tiada sebarang racun (merangkumi pod nikotin kerana ia mengandungi nikotin) boleh dijual sama ada secara borong atau runcit kecuali orang yang berlesen untuk menjual racun seumpamanya secara borong atau runcit dan mematuhi terma dan syarat lesen seumpamanya.

akta Jualan Dadah (SDA) 1952 & Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik (CDCR) 1984

- Peraturan 3 CDCR 1984 menggariskan bahawa tiada 'dadah' dibenarkan untuk dikilang, dijual, dibekal, diimport atau ditadbir di Malaysia melainkan ia didaftarkan dengan NPRA (Bahagian Regulatori Farmasi Negara)
- 'Dadah' didefinisikan di bawah SDA 1952 sebagai 'bahan, produk atau artikel bertujuan untuk kegunaan atau boleh bagi tujuan perubatan'.
- **Seksyen 32. Denda.**
- (2) Sesiapa didapati bersalah melanggar Akta ini, di mana tiada denda lain diperuntukkan khusus oleh Akta ini atau sebarang peraturan lain, boleh dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali.

rakyat Malaysia telah menjadi dua kali ganda dari tempoh 2016 hingga 2018.

Anggaran kasar pertambahan pengguna vape ialah dari lima peratus telah melonjak kepada 23 peratus dalam tempoh setahun.

Peningkatan ini turut didorong oleh inovasi alat vape itu yang asalnya berupa dapur di mana pengguna harus mengadun cecair dengan nikotin sendiri yang bersaiz besar, men-

jadi sekecil pen dengan cecair dibekalkan dalam bentuk kiub kecil yang mudah digunakan, dipegang dan disorok.

Berdasarkan anggaran peniaga vape yang membentuk peratusan penjual vape, industri ini bernilai RM2 bilion walaupun dari mana dan kaedah apa diguna untuk mereka rumuskan angka tersebut tidak diketahui.

Menggunakan promosi yang mendakwa vape adalah kaedah

HARI :	ISNIN
TARIKH :	5/8/2019
M/SURAT :	5

terbaik menghentikan tabiat merokok, penularan vape sejak 2012, kini dianggarkan ada lebih sejuta pengguna vape.

Terdapat lima faktor pendorong populariti vape iaitu perisa cecair yang pelbagai seperti anggur, limau malah kopi; mudah disorok; tidak mahal; boleh diperolehi di mana sahaja termasuk menerusi internet dan asap tidak berbau seperti rokok.

PEMASARAN SOFISTIKATED

Ketiadaan penguatkuasaan juga menyaksikan peniaga-peniaga vape mengambil kesempatan sepenuhnya daripada kecelaruan undang-undang pengawalan di Malaysia, dengan mengadakan promosi di kelab eksklusif, membuka butik khusus vape di bandar-bandar dan membanjiri semua jenis perniagaan terutama pasar malam.

Apa yang pasti lebih 600 kedai khusus vape telah dibina di seluruh negara setakat ini, ada yang dihias cukup menarik dengan lantai panel papan seolah-olah memasuki kedai eksklusif dan berprestij.

Bulan lalu, sebuah jenama vape dari China mengadakan majlis pelancaran penuh warna-warni di sebuah kelab malam di ibu negara, yang memberi persepsi vape adalah alat rokok bagi golongan elit, selain disasarkan kepada kelompok pengunjung kelab malam.

UNDANG-UNDANG

Isu vape meletus semula baru-baru ini apabila didapati vape diguna secara bebas oleh pelajar sekolah.

Kerajaan mengaku kawalan vape dibuat secara berasingan membabitkan dua kementerian iaitu lesen penjualan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

(KPDNHEP), manakala kandungan vape di bawah Kementerian Kesihatan.

“Jika kandungan vape itu mengandungi nikotin ia tertakluk di bawah Akta Racun 1952. Rang-rang undang-undang itu masih diperingkat kajian dan kita berharap dapat disiapkan menjelang akhir tahun ini sebelum dibawa ke Parlimen,” kata Menteri Kesihatan, Dr. Dzulkifly Ahmad.

AKTA RACUN 1952

Bagi pemerhati industri, pendirian kerajaan itu menunjukkan ‘kekeliruan tahap tinggi’ kerana kawal selia produk vape ini sememangnya sudah ada di dalam undang-undang negara iaitu Akta Racun 1952, iaitu semua produk nikotin adalah tertakluk di bawah akta ini.

Mengikut akta ini, sesiapa yang menjual produk nikotin haruslah memohon lesen daripada Kementerian Kesihatan, termasuk produk vape. Persoalannya, berapakah lesen seumpamanya telah dikeluarkan?

Jika mengikut undang-undang sedia ada ini, produk vape hanya boleh dijual di kedai farmasi kerana kandungan vape adalah cecair nikotin.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke atas sebilangan kedai khusus jualan vape, hanya menggunakan lesen am perniagaan oleh KPDNHEP tetapi tanpa lesen Kementerian Kesihatan untuk menjual produk vape tersebut.

Semua penjual yang ditanya pun mengaku tidak tahu menahu keperluan memohon lesen mengikut Akta Racun tersebut.

Ketika hasrat kerajaan mahu mewujudkan akta baharu yang menyeluruh wajar diterima positif, ia tidak memberi sebarang makna jika aspek penguatkuasaan tidak diberi penekanan.